

Bahagian A
[30 markah]
Jawab *semua* soalan

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri **2280/2/2019** yang disediakan. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

1 (a) Berapakah bearing jambatan batu (RG037556) dari Bkt. Kambing (RG049583)?

.....
[2 markah]

Soalan (b) berdasarkan segi empat grid berikut.




(b) (i) Berapakah ketinggian Bkt. Tukang dalam segi empat grid di atas?

..... meter
[1 markah]

(ii) Nyatakan rujukan grid enam angka puncak tertinggi bagi Bkt. Tukang.

.....
[2 markah]

Soalan (c) berdasarkan segi empat grid berikut.



(c) (i) Nyatakan jenis tanaman kontan yang terdapat dalam segi empat grid di atas.


.....
[1 markah]

(ii) Terangkan faktor yang menggalakkan tanaman dalam c (i) di kawasan tersebut.

- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

- (d) Jelaskan kesan terhadap alam sekitar sekiranya kawasan dalam segi empat grid berikut dibangunkan sebagai kawasan perindustrian.




.....

.....

.....

[3 markah]

Soalan (e) berdasarkan segi empat grid berikut..



- (e) Bagaimanakah kaedah untuk mengekalkan keadaan asal alam sekitar di kawasan segi empat grid di atas?

.....

.....

.....

[3 markah]

Soalan 2 berdasarkan data dalam Jadual di bawah.

Jadual 1 menunjukkan jumlah penduduk mengikut jenis petempatan di Negara R pada tahun 2010 hingga tahun 2020.

Tahun	Jumlah Penduduk (ribu orang)	
	Bandar	Luar bandar
2010	94	50
2015	106	36
2020	128	24

Jadual 1

- (a) Lukiskan sebuah graf bar menunjukkan jumlah penduduk bandar dan luar bandar di Negara R pada tahun 2010 sehingga 2020 pada kertas graf. Gunakan skala 1 cm mewakili 10 ribu orang.

[8 markah]

- (b) Melalui graf yang telah dihasilkan di 2 (a), buat tafsiran mengenai jumlah penduduk Negara R pada tahun 2010 hingga 2020. Jelaskan jawapan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Malaysia sedang mengalami proses pembandaran yang pesat menjelang tahun 2020. Terangkan kesan terhadap manusia dan alam sekitar akibat proses pembandaran ini.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B
[30 markah]
Jawab *semua* soalan

Soalan 3 berdasarkan Foto 1 di bawah.




Foto 1

- (a) Nyatakan bentuk muka bumi X dan Y dalam Foto 1.
- (i) X :
- (ii) Y : [2 markah]
- (b) Apakah proses yang membentuk bentuk muka bumi X dan Y?
- [1 markah]
- (c) Jika bentuk muka bumi Y mengalami proses di (b) secara berterusan, apakah bentuk muka bumi yang akan terbentuk?
- (i)
- (ii) [2markah]
- (d) Apakah kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di kawasan bentuk bumi X dan Y?
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (e) Cadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan bentuk muka bumi X dan Y terpelihara.
- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Jadual 2 di bawah.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Kuala Lumpur Suhu (°C)	27	27	29	29	28	28	27	27	27	27	27	27
Cameron Highlands Suhu (°C)	17	17	17	19	19	19	18	18	18	18	18	18

Jadual 2: Data suhu dan hujan di Kuala Lumpur dan Cameron Highland.

(a) Berapakah julat suhu tahunan di lokasi tersebut?

(i) Kuala Lumpur :

(ii) Cameron Highlands :
[2 markah]

(b) Berapakah min suhu tahunan di lokasi tersebut?

(i) Kuala Lumpur :

(ii) Cameron Highlands :
[2 markah]

(c) Terangkan bagaimana kegiatan manusia mempengaruhi perubahan suhu setempat di sesuatu kawasan.

.....

 [4 markah]

(d) Kemukakan langkah-langkah untuk menyederhanakan suhu di sesuatu kawasan.

.....

 [2 markah]

Soalan 5 berdasarkan Foto 2 dan Foto 3.



Foto 2
Sumber: *bharian.com.my*

Foto 3
Sumber: *abwordpress.com*

5. (a) Apakah fenomena cuaca yang dikaitkan dengan Foto 2 dan Foto 3?

.....
[1 markah]

(b) Bagaimanakah keadaan cuaca semasa berlakunya fenomena tersebut?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(c) Jelaskan kesan fenomena cuaca tersebut terhadap alam sekitar dan manusia.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(d) Kemukakan langkah-langkah persediaan yang boleh dilakukan untuk mengurangkan risiko akibat fenomena cuaca tersebut.

.....
.....
.....

[2 markah]

Bahagian C
[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 6 (a) Migrasi luar bandar ke bandar adalah migrasi yang paling tinggi di Malaysia. Pelbagai faktor telah mendorong berlakunya fenomena ini.

Huraikan faktor yang mempengaruhi migrasi luar bandar ke bandar.

[6 markah]

- (b) Terangkan kesan peningkatan migrasi dari luar bandar ke bandar terhadap sosioekonomi di Malaysia.

[6 markah]

- (c) Bagaimanakah cara untuk mengurangkan migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar utama di Malaysia?

[4 markah]

- (d) Cadangkan langkah untuk mengurangkan kesan kemasukan pendatang asing tanpa izin di Malaysia.

[4 markah]

Soalan 7 berdasarkan Foto 4 di bawah.



Foto 4

- 7 (a) Namakan dua negeri pantai timur Semenanjung Malaysia yang sering terjejas dengan kejadian banjir pada setiap penghujung tahun?

[2 markah]

- (b) Mengapakah kejadian banjir sering berlaku di negeri-negeri tersebut?

[6 markah]

- (c) Terangkan kesan kejadian banjir tersebut terhadap manusia dan alam sekitar.

[6 markah]

- (d) Bagaimanakah langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan kejadian banjir?

[6 markah]


Soalan 8 beradarkan Foto 5 yang menunjukkan bandar raya Kuala Lumpur.



Foto 5

- 8 (a) Beri empat fenomena cuaca yang berlaku di kawasan dalam Foto 5. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan peningkatan suhu di kawasan dalam Foto 5.. [6 markah]
- (c) Jelaskan kesan peningkatan suhu tersebut terhadap alam sekitar dan penduduk di kawasan dalam Foto 5. [4 markah]
- (d) Cadangkan usaha-usaha yang boleh diambil untuk mewujudkan persekitaran yang mesra alam di kawasan tersebut. [6 markah]

Soalan 9 (a) berdasarkan Peta 1 di bawah.



Peta 1 : MALAYSIA

P		R	
Q		S	

(a) Di atas Peta 1, namakan:

- (i) Bandar teknologi maklumat dan telekomunikasi bertanda **P**
- (ii) Bandar diraja bertanda **Q**
- (iii) Bandar pentadbiran bertanda **R**
- (iv) Bandar sempadan bertanda **S**

[4 markah]

(b) Mengapakah kebanyakan bandar besar terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia?
[4 markah]

(c) Huraikan faktor yang mempengaruhi pembandaran di Malaysia.
[6 markah]

(d) Cadangkan langkah untuk mengatasi masalah pembandaran di Malaysia.
[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT